

Berita Harian Disember 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
1.	Jumaat, 1 Disember 2017	'PM tak pernah ganggu tugas SPRM'	KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad
2.	Isnin, 4 Disember 2017	SPRM siasat sektor swasta, korporat	KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad
3.	Jumaat, 8 Disember 2017	Wang sita RM19.97j dilucut hak	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4.	Selasa, 12 Disember 2017	Bekas Pengarah JANS dijangka didakwa esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5.	Rabu, 13 Disember 2017	Bekas Timbalan Pengarah JANS hadapi 146 tuduhan	Bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS),
6.	Khamis, 14 Disember 2017	Tanah Sungai Yu: SPRM sahkan ambil dokumen	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Bakri
7.	Jumaat, 15 Disember 2017	Zaid Ibrahim, Khairuddin gagal teruskan kes dana RM2.6b	Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin
8.	Sabtu, 16 Disember 2017	Bekas KPD bebas dengan jaminan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
9.	Sabtu, 16 Disember 2017	Lebih 20 juta guna MRT Sungai Buloh - Kajang	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz
10.	Khamis, 21 Disember 2017	Shahrir akui FELDA 'Hilang' Status Tiga asset Tanah	Tan Sri Shahrir Abdul Samad Penggerusi FELDA
11.	Jumaat, 22 Disember 2017	Tanah FELDA: Dakwa pihak terbabit	iden MBFM, Muhammad Fadzli Hasan
12.	Jumaat, 22 Disember 2017	Tanah FELDA: Pengkhianat amanah perlu dihukum	Majlis Belia Felda Malaysia (MBF) Negeri Johor
13.	Jumaat, 22 Disember 2017	Tanah FELDA: Dedah identiti pihak bertanggungjawab	Pengerusi, Tan Sri Rozali Ismail
14.	Rabu, 27 Disember 2017	Lapor polis selepas proses perundangan, teknikal	Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
15.	Rabu,27 Disember 2017	'Tiada pengalaman projek mega'	"Synergy Promenade"
16.	Ahad,31 Disember 2017	Banyak pencapaian ekonomi, pelaburan diraih sepanjang 2017	Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

1. 'PM tak pernah ganggu tugas SPRM'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tidak pernah campur tangan atau mempengaruhi apa juga tindakan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, yang dilantik ke jawatan itu pada 1 Ogos 2016 berkata, Perdana Menteri memberi kebebasan penuh kepada beliau dan pegawai untuk melaksanakan tugas menyiasat serta mengambil tindakan ke atas pihak yang terbabit dengan rasuah atau salah guna kuasa.

"Sejak saya menerajui SPRM pada 1 Ogos 2016, tidak pernah sama sekali Perdana Menteri mengarahkan saya tidak mengambil tindakan atau mengganggu dengan meminta berhenti membuat siasatan sesuatu kes.

"Itu (dakwaan Perdana Menteri ganggu SPRM) semua tidak benar. Tidak pernah sekali pun berlaku. Saya dan SPRM diberi kebebasan menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menjalankan fungsinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional 2017 (PEMANAS 5.0) bertema Mahasiswa Arkitek Malaysia Alaf Baru anjuran UMNO dan Yayasan Minda di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Dzulkifli menjawab soalan peserta yang bertanya sama ada penubuhan Jabatan Integriti dan Urus Tadbir Negara (JITN) akan menyekat peranan SPRM dan rancangan SPRM untuk menangani isu rasuah serta memperbaiki tahap Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2016 Malaysia.

Beliau berkata, persepsi kononnya Malaysia menjadi antara negara tertinggi rasuah hanya andaian semata-mata kerana kaji selidik CPI dilakukan terhadap golongan ekspatriat, bukannya rakyat negara ini.

Lebih mengejutkan, kata Dzulkifli, segala isu berkaitan rasuah dan tindakan diambil SPRM dipolitikkan pihak tertentu termasuk pembangkang dengan menuduh siasatan dijalankan secara tidak telus dan dipengaruhi kerajaan.

"Selepas saya meneliti senarai kes yang disiasat dan diambil tindakan SPRM, majoriti kes itu membabitkan kepemimpinan negara."Pembangkang yang kena hanya 'ikan bilis'. Itu pun pembangkang masih kata SPRM tidak telus," katanya.



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

2. SPRM siasat sektor swasta, korporat

KUALA LUMPUR: Kekurangan maklumat dan laporan salah guna kuasa serta rasuah daripada sektor swasta menyukarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan di sektor berkenaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata pekerja sektor swasta perlu tampil memberi maklumat jika ada gejala berkenaan di tempat kerja mereka.

"Walaupun penekanan kami kepada sektor awam, namun dasar SPRM turut menyiasat sektor swasta, korporat dan kerajaan negeri serta mana-mana laporan diterima akan diambil tindakan dan siasatan lanjut.

"Begini juga pemberi rasuah, mereka tidak akan terlepas daripada tindakan," katanya kepada media selepas menjadi penceramah program Kemuncak Pengupayaan Generasi Muda (MES) 2017 anjuran Majlis Presiden Biro Pelajar Luar Negara (BPLN), di sini, hari ini.

Program sehari sempena Perhimpunan Agung UMNO, mulai esok hingga Sabtu ini dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pagi tadi.

Seramai 500 peserta menghadiri wacana bertema 'Rasuah' berkenaan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri, meminta SPRM tidak hanya menumpukan pembanterasan rasuah dalam sektor awam, sebaliknya swasta dan korporat juga perlu diberi perhatian.

Terdahulu dalam sesi, soal jawab, Dzulkifli berkata beliau tidak pernah menerima tekanan dan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk menyiasat sesuatu kes.

Sebaliknya, SPRM diberi kuasa penuh menyiasat siapa saja tanpa mengira latar belakang dan fahaman politik.

Mengenai siasatan terhadap Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang hanya dijalankan selepas menubuhkan parti baharu, beliau berkata ia dilakukan selepas menerima laporan mengenainya.

"Tiada isu lambat bertindak dalam kes ini. Bila ada laporan kita akan siasat dan ambil tindakan sewajarnya, sama ada wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa atau sebaliknya.

"Siapa sangka siasatan kes rasuah membabitkan jutaan ringgit berlaku dalam Jabatan Air di Sabah... ramai terkejut dengan kes berkenaan," katanya.

3. Wang sita RM19.97j dilucut hak

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerahkan kepada kerajaan RM19.97 juta daripada kira-kira RM53 juta yang dirampas dalam operasi membabitkan penyelewengan dana oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

SPRM dalam kenyataan hari ini, berkata tindakan itu susulan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Nurcahaya Arshad, semalam, melucut hak RM19.97 juta itu daripada jumlah keseluruhan wang dan akaun bank yang disita serta diserah kepada kerajaan.

Katanya, pada prosiding itu, SPM diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPM, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman, Mohd Farez Rahman dan Rozanna Abdul Hadi.

"Keputusan melucut hak baki wang yang disita berjumlah RM1.8 juta pula ditetapkan perbicaraannya pada 13 Disember ini," katanya.

Pada 4 Oktober 2016, SPM melancarkan Ops JANS membabitkan penyelewengan dana oleh JANS yang mana pada fasa pertama operasi, pasukan penyiasat merampas wang tunai berjumlah kira-kira RM53 juta daripada dua suspek yang ditahan.

Pada fasa kedua Januari lalu pula, SPM menahan 35 Ketua Bahagian dan Daerah JANS bagi membantu siasatan penyelewengan dana infrastruktur jabatan berkenaan.

Susulan operasi fasa kedua itu, SPM membuka 10 kertas siasatan dan memfailkan pelucutahan wang rasuah yang disita berjumlah kira-kira RM21.78 juta mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001 kepada Mahkamah Kota Kinabalu.

SPRM berkata, Ops JANS berjaya membongkar satu kegiatan rasuah dan salah guna kuasa membabitkan hampir semua pegawai di jabatan berkenaan dengan rampasan wang tunai terbesar di negara ini sejak penubuhan suruhanjaya itu.

SPRM turut menegaskan, kejadian itu perlu dijadikan iktibar semua pihak untuk memastikan penyelewengan seumpamanya tidak berulang atau berlaku di mana-mana agensi lain.

"Kita memandang serius perkara sebegini yang boleh membantutkan pembangunan negara, sekali gus menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan menyebabkan rakyat sengsara akibat penyelewengan peruntukan disediakan tidak sampai kepada mereka," katanya.



BEKAS Pengarah JANS, Awang Mohd Tahir Mohd Talib

4. Bekas Pengarah JANS dijangka didakwa esok

KOTA KINABALU: Bekas Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang pernah ditahan bagi membantu siasatan kes penyelewengan agihan projek bekalan air di Sabah pada tahun lalu, dijangka didakwa di mahkamah, esok.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, suspek berumur 52 tahun itu ditahan di sini, pada kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi sebelum dibawa untuk proses pendakwaan.

Pada 4 Oktober 2016, SPRM melancarkan Ops Water (JANS) berhubung penyalahgunaan dana infrastruktur air di Sabah dengan sebanyak RM53 juta wang tunai dirampas daripada dua suspek iaitu Pengarah dan Timbalan Pengarah JANS menerusi fasa pertama operasi.

Sementara itu, menerusi fasa kedua operasi pada Januari lalu, SPRM menahan 35 Ketua Bahagian dan Daerah JANS bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Berikutnya operasi fasa kedua itu, SPRM membuka 10 kertas siasatan dan memfailkan pelucutan hak wang rasuah yang disita berjumlah kira-kira RM21.78 juta mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Sumber SPRM berkata, operasi itu berjaya membongkar kegiatan rasuah dan salah guna kuasa membabitkan hampir semua pegawai di jabatan berkenaan dengan jumlah rampasan wang tunai terbesar di negara ini sejak penubuhan suruhanjaya itu.

Pada 29 Disember tahun lalu, bekas Pengarah JANS, Awang Mohd Tahir Mohd Talib, 54, isterinya, Fauziah Piut, 51, dan seorang lagi bekas Timbalan Pengarah di jabatan itu, Lim Lam Beng, 62, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu atas 37 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai RM61.57 juta.

Mahkamah menetapkan kes itu dibicarakan bermula 5 Februari tahun depan.

Berikutan perkembangan terbaru itu, empat individu sudah dan akan didakwa berhubung siasatan kes JANS iaitu bekas Pengarah dan isterinya, serta dua bekas Timbalan Pengarah selepas SPRM membongkar penyelewengan dilakukan pegawai jabatan itu pada tahun lalu.

5. Bekas Timbalan Pengarah JANS hadapi 146 tuduhan



BEKAS Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Teo Chee Kong dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kota Kinabalu atas 146 pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram bernilai RM32.923 juta.

KOTA KINABALU: Bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Teo Chee Kong, hari ini mengaku tidak bersalah terhadap 146 pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram bernilai RM32.923 juta.

Semua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1) (a) dan Seksyen 4 (1) (b) Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001.

Bagi pertuduhan mengikut Seksyen 4 (1) (a), Chee Kong, 52 berdepan 78 pertuduhan kerana kesalahan memiliki 70 bidang tanah hasil daripada aktiviti haram menerusi 78 transaksi dengan nilai pindah milik sebanyak RM12.705 juta.

Baki 68 pertuduhan lagi dibuat mengikut Seksyen 4 (1) (b) dengan enam kesalahan memiliki wang tunai daripada aktiviti haram berjumlah RM7.93 juta, termasuk RM1.978 juta dalam bentuk mata wang asing.

Sebanyak 62 pertuduhan lagi membabitkan kesalahan memiliki wang dalam akaun bank hasil daripada aktiviti haram di lapan institusi kewangan yang berjumlah RM12.287 juta.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan antara tahun 2010 hingga 2016 yang mana tertuduh terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram melalui penerimaan wang rasuah yang membabitkan projek di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

Hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kota Kinabalu, Nixon Kennedy Kumbong, menetapkan wang jaminan RM1.5 juta dengan deposit sebanyak RM500,000 dan dua penjamin tempatan terhadap tertuduh.

Mahkamah turut memerintahkan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah selain tertuduh dikehendaki melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada setiap Sabtu.

Nixon menetapkan 16 Januari depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman, manakala tertuduh diwakili peguam Roland Cheng dan Hamid Ismail.

Pada Oktober tahun lalu, SPM menahan reman Chee Kong bersama bekas Pengarah JANS, Awang Mohd Tahir Mohd Talib, 54, sebelum dibebaskan dengan jaminan agensi itu. Tertuduh ditahan semula di pejabat SPM Sabah semalam sebelum dibawa ke mahkamah hari ini untuk proses pendakwaan.

Pada 29 Disember tahun lalu, Awang Mohd, isterinya, Fauziah Piut, 51, dan seorang lagi bekas timbalan pengarah JANS, Lim Lam Beng, 62, mengaku tidak bersalah di mahkamah sama atas 37 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai RM61.57 juta.



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad bergambar bersama pengamal media selepas majlis Malam Apresiasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Media dan turut bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya

6. Tanah Sungai Yu: SPRM sahkan ambil dokumen

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sudah mengambil beberapa dokumen di pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN) Selangor bagi membantu siasatan berhubung skandal pemberian tanah di Kampung Sungai Yu, Kuala Selangor.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata pihaknya juga sudah membuka semula kertas siasatan berdasarkan maklumat baharu yang diperolehi.

"Saya mengesahkan kita ada ambil beberapa dokumen di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor yang boleh membantu siasatan. Kesemua dokumen sedang diteliti dan beri kita masa untuk jalankan siasatan.

"Saksi sedang kita dipanggil dan jika ada pihak yang dirasakan terbabit, SPRM akan buat siasatan lebih mendalam," katanya ketika ditemui pada sidang media sempena Malam Apresiasi Media SPRM, di sini, malam ini.

Pada 8 Disember lalu, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (SELCAT), Hannah Yeoh, mengumumkan proses pemberian milikan tanah Kampung Sungai Yu kepada 175 pemohon didapati tidak mematuhi syarat.

Baru-baru ini, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar, mendesak SPRM menyiasat perkembangan terbaru skandal pemberian milikan tanah Kampung Sungai Yu yang didapati tidak mematuhi syarat.

Azam turut mengesahkan pihaknya bersedia menyiasat sekiranya wujud unsur rasuah berhubung isu bolos membabitkan warga Bangladesh di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tetapi buat masa ini, SPRM tidak menerima sebarang aduan mengenai perkara berkenaan.

Terdahulu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad ketika berucap pada majlis berkenaan, berkata SPRM tidak akan berhenti memburu mana-mana pihak yang terbabit dalam rasuah dan salah guna kuasa bagi memerangi gejala itu di negara ini.

Katanya, SPRM tidak akan sekali-kali menyimpan 'taring' dan meneruskan usaha memburu tahun depan.

Beliau berkata pendekatan yang dilakukan membuatkan hasil apabila ia berjaya membuka mata masyarakat terhadap bahana rasuah sehingga keahlian sahabat program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) menccah lebih 140,000.

"Kita tidak akan berhenti. Kalau pada tahun ini setiap minggu pasti ada saja siasatan atau tangkapan dan seterusnya pendakwaan di mahkamah. Jadi, 2018 pendekatan sama juga akan kita teruskan bagi membasmi gejala itu di negara ini.

"Ini semua bagi memastikan misi kita melahirkan masyarakat yang memandang perbuatan rasuah dan salah guna kuasa sebagai suatu yang keji dan jijik," katanya.

Antara yang turut hadir pada majlis berkenaan adalah Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk Yushaimi Maulud Yahaya dan Pengarang Berita BH, Wan Jailani Razak dan wakil organisasi media yang lain.

Dalam pada itu, Dzukifli berkata tiada sesiapa boleh menafikan peranan media dalam membantu pembangunan masyarakat dan negara secara keseluruhannya justeru kerjasama media dan pihaknya amat dialu-alukan bagi memerangi rasuah di negara ini.

7. Zaid Ibrahim, Khairuddin gagal teruskan kes dana RM2.6b

PUTRAJAYA: Mahkamah Persekutuan menolak permohonan semakan dikemukakan Datuk Zaid Ibrahim dan Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan berhubung rayuan mereka dalam kes siasatan membabitkan dakwaan dana RM2.6 bilion dimasukkan dalam akaun peribadi Perdana Menteri.

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin sebulat suara menolak permohonan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan bekas ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu, selepas mendapati permohonan berkenaan tidak memenuhi peruntukan Kaedah 137 Mahkamah Persekutuan 1995.

Kedua-dua mereka memohon Mahkamah Persekutuan menyemak keputusan mahkamah sama oleh panel sebelum ini yang menolak rayuan mereka untuk mendapatkan kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan pada April lalu menolak rayuan mereka untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Peguam Negara menutup siasatan dan tidak mahu mengemukakan pertuduhan jenayah terhadap Datuk Seri Najib Razak.

Hakim Zulkefli dalam penghakimannya, berkata panel berpendapat bahawa ia bukan tanggungjawab mereka untuk menimbangkan sama ada panel terdahulu membuat keputusan yang betul atau sebaliknya.

"Sehubungan itu, kami berpendapat kami juga tidak perlu memutuskan sama ada terdapat ancaman berat sebelah yang nyata yang diputuskan oleh panel berkenaan," katanya.

Sementara itu peguam Datuk Seri Gopal Sri Ram mewakili Zaid dalam hujahnya berkata, wujud ancaman berat sebelah yang nyata bagi Ketua Hakim Negara, Tan Sri Md Raus Sharif untuk mendengar permohonan kebenaran merayu pada 28 Julai lalu kerana beliau (Md Raus) dilihat menghadiri majlis peribadi di rumah Najib lima hari sebelum prosiding kebenaran merayu didengar.

Bagaimanapun, Peguam Kanan Persekutuan Datuk Amarjeet Singh bagi Peguam Negara dan kerajaan berkata, permohonan semakan itu sepatutnya ditolak kerana tidak memenuhi peruntukan Kaedah 137, dan majlis dihadiri Md Raus bukannya acara peribadi.

Katanya, tidak akan ada pengakhiran dalam kes terbabit jika permohonan semakan dibenarkan.

Turut bersidang, Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Hassan Lah dan Tan Sri Aziah Ali.

Dalam prosiding hari ini Khairuddin diwakili peguam Mohamed Haniff Khatri Abdullah.

Pada 11 November tahun lalu, Mahkamah Tinggi menolak permohonan kebenaran oleh Mohd Zaid untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali berhubung siasatan kes SRC International (SRC) dan dana RM2.6 bilion.

Mahkamah turut menolak permohonan sama difaiklan Khairuddin bagi perintah membatalkan keputusan Mohamed Apandi bahawa tiada kesalahan dibuat Perdana Menteri berhubung tiga kertas siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Keputusan itu dibuat selepas mahkamah mendapati, kuasa Peguam Negara mengikut Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dicabar atau dipersoalkan di mahkamah. Keputusan berkenaan dikekalkan Mahkamah Rayuan pada 4 April lalu.



SEORANG pegawai polis berpangkat Asisten Komisioner bebas dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) selepas di bawa ke Mahkamah Majistret Ipoh. - Foto L Manimaran

8. Bekas KPD bebas dengan jaminan

IPOH: Seorang bekas ketua polis daerah (KPD) yang ditahan reman sembilan hari bagi membantu siasatan kes rasuah, dibebaskan hari ini.

Pegawai polis berpangkat Asisten Komisioner berusia 59 tahun itu bersama isterinya yang berumur 54 tahun serta seorang ahli perniagaan wanita berusia 34 tahun, ditahan reman sejak 8 Disember lalu.

Majistret Nurul Asyifa Redzuan membebaskan mereka dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 8 Disember lalu, menyatakan suspek ditahan di pejabat SPRM Perak jam 7.30 malam 7 Disember bersama isteri dan ahli perniagaan wanita berkenaan.

Susulan itu, pasukan penyiasat SPRM menjalankan operasi penggeledahan di rumah pegawai polis berkenaan dan menemui wang tunai hampir RM1 juta serta barang kemas dalam kotak kasut dan peti besi.

Siasatan awal SPRM mendapati ahli perniagaan wanita itu dipercayai mempunyai kepentingan dengan pegawai polis terbabit ketika bertugas sebagai KPD dan memberikan wang tunai untuk majlis perkahwinan anak suspek pada Februari lalu.

Ahli perniagaan wanita terbabit memasukkan wang RM70,000 ke dalam akaun isteri pegawai polis berkenaan dengan dua transaksi iaitu RM20,000 dan RM50,000.

9. Lebih 20 juta guna MRT Sungai Buloh - Kajang

KUALA LUMPUR: Lebih 20 juta pengguna sudah menggunakan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh - Kajang sejak ia mula beroperasi 16 Disember tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata hasil maklum balas orang awam termasuk di media sosial menunjukkan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan pengangkutan awam itu dalam melancarkan pergerakan mereka.

"Apa yang penting ialah melihat peningkatan aliran positif dalam penggunaannya, ia juga bukti bahawa pelaburan kerajaan dalam pengangkutan awam memberikan manfaat kepada rakyat," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Terdahulu, Azmi dan Pengurus Prasarana Tan Sri Khalid Abu Bakar mengiringi Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berkenan meninjau jaringan pengangkutan awam berdasarkan rel termasuk MRT, Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel.

Turut berkenan berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Jajaran pertama yang dilaksanakan untuk projek MRT Lembah Klang adalah jajaran MRT Sungai Buloh - Kajang dengan jarak 51 kilometer.

Fasa pertama MRT Sungai Buloh - Kajang merangkumi laluan Sungai Buloh - Semantan mula beroperasi pada 16 Disember 2016, manakala fasa kedua membabitkan laluan Semantan - Kajang memulakan perkhidmatannya sejak 17 Julai lepas.

10. Shahrir akui FELDA 'Hilang' Status Tiga asset Tanah

KUALA LUMPUR: "Saya tidak faham bagaimana tanah milik FELDA boleh dipindah milik kepada syarikat lain. Saya hanya diberitahu tanah kita sudah ditukar milik apabila masuk ke sini (FELDA)," kata Tan Sri Shahrir Abdul Samad yang dilantik sebagai Pengerusi FELDA, 6 Januari lalu.

Beliau yang mengakui agensi itu 'kehilangan' tiga bidang tanahnya bernilai lebih RM250 juta di Jalan Semarak di sini, mahu mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan kembali hak FELDA yang sudah bertukar tangan kepada pemaju Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

Katanya, keseluruhan kawasan milik FELDA itu bernilai lebih RM270 juta, namun hanya sebahagian kecil tanah dikenali SPA3 masih di bawah nama FELDA, manakala tiga SPA lain iaitu SPA1, SPA2 dan SPA4 bernilai keseluruhan lebih RM250 juta sudah bertukar tangan.

"Kita bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju KLVC dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sebagai agensi yang meluluskan pindah milik tanah itu.


"Saya sendiri tidak tahu bagaimana nak uruskan perkara ini, apa yang kita mampu buat adalah cuba meletakkan Caveat Persendirian, Februari lalu apabila dapat tahu hal ini berlaku untuk menghalang semua transaksi," katanya dalam pertemuan eksklusif BH.

Beliau mengesahkan tanah FELDA bertukar tangan apabila BH menunjukkan Catatan Carian Persendirian Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bertarikh 1 November 2017.

Catatan itu menunjukkan nama pemilik bagi lot 390 atau dikenali SPA1 adalah milik sebuah syarikat yang ada kaitan dengan pemaju KLVC dan bukan lagi FELDA.

Shahrir juga pelik apabila usaha pihaknya meletakkan Caveat Persendirian pada 28 Februari lalu ke atas tanah itu dihalang atas alasan FELDA tidak berhak, kerana pemaju memiliki semua dokumen sah untuk pendaftaran.

"Lembaga Pengarah FELDA terpaksa meminta bantuan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa selaku Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk bantu meletakkan Caveat Persendirian dan berjaya pada 14 April lalu," katanya.



PENGERUSI FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Kaveat Persendirian adalah kaveat yang dimasukkan oleh individu atau badan yang mempunyai kepentingan ke atas pemilikan harta tanah bagi menyekat atau menghalang sebarang urus niaga tanah itu, termasuk dipindah milik dan hanya boleh ditarik balik menerusi perintah mahkamah.

Shahrir mengulas BH Bongkar semalam, FELDA berisiko kehilangan hak ke atas tanah strategik di Jalan Semarak di sini yang dianggarkan bernilai lebih RM200 juta apabila dipercayai bertukar hak milik menerusi transaksi diragui sejak 2015.

Tanah itu, dipercayai dibangunkan dengan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) membabitkan tujuh menara, termasuk menara ikonik FELDA dikenali sebagai KLVC Tower1A.

Ditanya sama ada orang dalam terbabit dalam urus niaga itu, Shahrir berkata: "Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan membuat audit, jadi soal kesilapan mana-mana pihak akan diketahui kelak, termasuk individu yang terbabit dalam meluluskan transaksi," katanya.



11. Tanah FELDA: Dakwa pihak terbabit

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) mendesak siasatan segera dilakukan untuk mendakwa pihak yang menyebabkan FELDA hilang hak milik tanah di Jalan Semarak, di sini.

Kesal dengan perkembangan itu, Presiden MBFM, Muhammad Fadzli Hasan, berkata pihak terbabit perlu dibawa ke muka pengadilan dan dikenakan hukuman yang setimpal.

"Generasi baharu dan warga FELDA kecewa dengan urus tadbir yang lemah ini. Kami percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga sedih dan kecewa dengan perkara ini," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, MBFM sedia memberi kerjasama jika diperlukan dan tidak berkompromi dengan tindakan pecah amanah serta salah guna kuasa.

"MBFM bersetuju dan menyokong penuh FELDA dalam memastikan tanah bernilai ratusan juta ringgit yang hampir tergadai dalam projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dikembalikan semula kepada FELDA semula.

"Dengan apa cara sekali pun kerana tanah itu adalah aset FELDA yang perlu dipelihara dan dipertahankan," katanya.

Muhammad Fadzli berkata, pihaknya menyokong tiga langkah yang diambil FELDA dalam kes itu iaitu menukar status kaveat persendirian tanah terbabit, membuat laporan polis ke atas syarikat terbabit selepas rundingan untuk serah semula gagal serta melaksanakan audit penuh ke atas segala hal yang berkaitan perjanjian dan penjualan tanah itu.

12. Tanah FELDA: Pengkhianat amanah perlu dihukum

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Felda Malaysia (MBF) Negeri Johor menggesa pengkhianat amanah dihadapkan ke muka pengadilan dan dihukum supaya menjadi pedoman buat pemegang amanah yang lain.

Merujuk pada kes pindah hak milik tanah FELDA, Pengerusi MBF Negeri Johor, Manndzri Nasib, berkata tindakan pemegang amanah FELDA melepaskan hak FELDA jelas membuktikan mereka membelakangkan Perdana Menteri dan warga FELDA.

"Mereka jelas membelakangkan Perdana Menteri sebagai Menteri Hal Ehwal FELDA apabila membuat keputusan sendiri dalam hal tanah itu.

"Ia jelas menunjukkan pemegang amanah ini mengkhianati amanah Perdana Menteri dan warga FELDA, justeru perlu dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pendedahan BH mengenai FELDA yang hilang hak milik tanah di jalan Semarak, di ibu kota.

Tanah bernilai lebih RM200 juta yang kini dimajukan dengan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dipercayai bertukar milik menerusi transaksi diragui sejak 2015.

Manndzri berkata, perkara yang berlaku itu amat mengecewakan dan mungkin berlaku disebabkan muslihat peribadi pihak tertentu.

Berikutan itu, katanya, MBF Negeri Johor menyokong tindakan dan keberanian Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan pasukannya, yang melakukan semakan dan prosedur perundangan untuk mengambil semula hak tanah FELDA.

"Tindakan berani beliau amat terpuji, malah MBF Negeri Johor akan terus menyokong penuh usaha ini, semoga kita meraih semula hak tanah FELDA ini kembali," katanya.

Semalam, Shahrir pada sidang media khas berkata,

Lembaga Pengarah FELDA tidak lagi berminat untuk meneruskan pembinaan KLVC dan menegaskan FELDA mahu mendapatkan semula tanah itu.



PENGERUSI Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Tan Sri Rozali Ismail.

13. Tanah FELDA: Dedah identiti pihak bertanggungjawab

SHAH ALAM: Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) mahu FELDA mendedahkan identiti pihak yang bertanggungjawab dalam pindah milik tanah agensi itu, di Jalan Semarak, yang bernilai lebih RM200 juta.

Pengerusinya, Tan Sri Rozali Ismail, berkata pemindahan milik terhadap tanah dalam mana-mana projek usaha sama tidak boleh dilakukan selagi projek terbabit tidak siap sepenuhnya.

Katanya, GWGF sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili anak FELDA amat terasa hati dengan kepemimpinan FELDA yang tidak pernah memberikan sebarang penjelasan terhadap mana-mana isu berbangkit atau sebarang perancangan yang dilakukan.

Beliau berkata, kepemimpinan FELDA selalu membuat keputusan terhadap apa-apa perkara tanpa mengambil kira pandangan peneroka atau generasi FELDA.

"GWGF sebagai mewakili generasi FELDA nak tahu pihak FELDA yang membuat keputusan pindah milik tanah ini.

"Selain itu, lima enam tahun kebelakangan ini, isu pelaburan yang dibuat oleh FELDA tidak pernah menitikberatkan pandangan peneroka dan generasi FELDA. Mereka ambil keputusan tidak secara profesional.

"Kita harap perkara ini tidak berulang lagi, seperti yang kita lihat berlaku sebelum ini membabitkan pelaburan dalam bandar herba dan hotel. Hak orang FELDA diambil dengan sesuka hati," katanya ketika dihubungi BH Online, hari ini.

Rozali berkata, *GWGF* akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika pihaknya mendapati wujud unsur salah guna kuasa dalam isu pindah milik tanah itu.

"*GWGF* juga mahu FELDA melantik satu badan bebas memantau hal berkaitan pelaburan.

"Badan itu perlu membabitkan anak peneroka memandangkan sudah ramai generasi muda FELDA yang berkerjaya dalam bidang profesional," katanya.

Beliau juga meminta FELDA mengetatkan segala peraturan membabitkan pelaburan.

Rozali berkata, *GWGF* mahu FELDA memberi penjelasan mengenai risiko kehilangan hak tanah itu kepada peneroka terutama anak peneroka.

"Selepas keluar berita ini di BH, saya selaku pengurus memanggil ahli jawatankuasa membincangkan isu ini dan *GWGF* memutuskan untuk menghantar sepucuk surat menuntut penjelasan daripada FELDA berhubung perkara ini," katanya sambil menambah surat itu akan dihantar pada minggu pertama Januari depan.

BH semalam mendedahkan FELDA berisiko kehilangan hak tanah di Jalan Semarak, yang kini dimajukan dengan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) membabitkan tujuh menara, termasuk menara ikonik FELDA dikenali sebagai KLVC Tower1A.

Carian dalam portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati Menara KLVC Tower1A sudah diluluskan untuk dimajukan.

Ia membabitkan pembinaan bangunan pejabat 68 tingkat meliputi 59 tingkat pejabat, dua tingkat podium pejabat, termasuk parkir, enam tingkat tempat letak kereta, dua tingkat parkir bawah tanah, taman atas bumbung dan helipad.



TAN Sri Shahrir Abdul Samad.

14. Lapor polis selepas proses perundangan, teknikal

KUALA LUMPUR: Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad menjelaskan bahawa laporan polis mengenai pindah milik tanah di Jalan Semarak di sini, hanya dibuat agensi itu selepas memastikan setiap turutan proses perundangan dan teknikal dipatuhi.

Menafikan laporan polis itu lewat dibuat beliau berkata, tindakan itu tidak boleh dibuat secara terburu-buru kerana FELDA perlu mengambil langkah cermat bagi menanganinya.

"Jika ada orang kata mengapa lambat sangat (lapor polis), ia adalah disebabkan isu berkenaan (pindah milik tanah) adalah antara masalah paling akhir yang berlaku ketika saya masuk FELDA.

"Ia (pindah milik tanah) berlaku pada penghujung 2015 dan 2016. Sebelum ini, beberapa isu lain seperti pembelian hotel Felda Investment Corporation (FIC) di Kuching, dan Kensington, London yang berlaku pada 2014 dan 2015, semuanya kini sudah dalam siasatan.

"Jadi, ia perlu dilakukan mengikut turutan dan selain mendapatkan nasihat pegawai undang-undang saya atau peguam FELDA, kita juga perlu mendapat pandangan pengamal undang-undang di Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara sebelum mengambil tindakan seterusnya," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Oleh itu, beliau berkata, pihaknya akan membuat siri penjelasan kepada peneroka di seluruh negara mengenai isu berkenaan.

Katanya, matlamat siri penerangan itu adalah bagi menjelaskan kepada peneroka bahawa tanah mereka tidak terbabit dengan isu itu, sebaliknya tanah di Jalan Semarak adalah milik FELDA dan ia akan mempertahankannya sebaik mungkin.

"Tanah di Jalan Semarak ini sedang dipertahankan dan kita akan mengambil apa sahaja tindakan yang perlu tanpa ada rasa takut atau ingin menjaga hati sesiapa.

"Jadi, apa yang perlu saya lakukan sekarang ini adalah menceritakan semula (menerangkan) kepada peneroka bahawa tanah mereka tidak terbabit dalam isu berkenaan.

"Semua tanah peneroka yang sudah mendapat hak milik, iaitu 85 peratus akan terus dapat hak milik dan tidak ada kena mengena dengan tanah di Jalan Semarak," katanya.

Shahrir turut menegaskan, usaha sedang dijalankan, termasuk mendapatkan maklumat daripada semua aspek terutama perundangan serta teknikal.

"Kami menjangkakan sesi penjelasan itu akan dilakukan pada Januari depan," katanya.

Shahrir berkata, sesi penerangan itu juga adalah sebahagian program Gerakan Muafakat yang turut membabitkan beberapa pindaan insentif kepada peneroka.

Asas program itu mahu meningkatkan semangat kebersamaan antara peneroka dengan FELDA menuju masa depan.



TAPAK projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. -



TAPAK projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. -

15. 'Tiada pengalaman projek mega'

KUALA LUMPUR: Susulan pendedahan mengenai isu tanah FELDA di Jalan Semarak di sini, yang berpindah milik secara salah, timbul persoalan siapa di belakang Synergy Promenade Sdn Bhd.

Persoalan itu tercetus berikutan syarikat yang didapati tidak mempunyai latar belakang serta pengalaman mengendalikan projek pembangunan, apatah lagi projek berskala mega dipilih untuk membangunkan projek sebesar Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM6 bilion.

Sumber memberitahu BH, persoalan juga timbul kenapa syarikat hiasan dalaman yang dikatakan pernah diberikan projek di Menara FELDA dan Istana Negara, mengambil alih tanah FELDA kerana tiada sebarang alasan untuknya perlu berbuat demikian.

"Sebenarnya, tiada sebab yang memerlukan tanah itu dipindah milik kepada Synergy Promenade. Ketika itu memegang Surat Kuasa Wakil Penuh (PA), syarikat itu sudah mempunyai kuasa secukupnya untuk melaksanakan kerja pembangunan bagi pihak FELDA.

"Synergy Promenade memegang PA hanya sebagai ejen dan FELDA adalah prinsipal supaya ia boleh mendapat kebenaran merancang (DO). Jadi, apakah sebab syarikat itu mahu memindah milik tanah itu kepadanya," kata sumber itu.

Sumber itu menjelaskan, Synergy Promenade sepatutnya hanya boleh mengenakan caj pihak ketiga kepada tanah terbabit memandangkan ia sudah memiliki perjanjian pembangunan, malah sudah memperoleh perjanjian pajakan bersama Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) bagi sebahagian daripada menara yang akan dibangunkan.

"Projek itu sendiri sudah ada daya majunya sendiri kerana sudah memperoleh DO serta pajakan sebahagian besar untuk menara, jadi apa lagi yang syarikat itu mahu?

"Synergy Promenade sendiri perlu mempunyai keupayaan kredit dan bernilai kepada bank supaya pinjaman boleh diberikan kepada syarikat atau projek.

"Caj pihak ketiga boleh diraih daripada projek itu sendiri dan bukannya daripada tanah berkenaan, mereka sendiri yang perlu membuat pembiayaan projek," katanya.

Carian BH mendapati Synergy Promenade didaftarkan pada 16 Jun 2000 dengan aktivitinya dicatatkan sebagai pemaju harta tanah dan kontraktor binaan, kontraktor am dan perniagaan am.

Dua pengarah syarikat itu, yang alamatnya dicatatkan terletak di Shah Alam dikenal pasti sebagai Noraini Soltan dan Abd Rahman Soltan.

Semakan lanjut tidak menemui maklumat sebarang projek pembangunan yang pernah dijalankan oleh syarikat itu.

"Mungkin syarikat ini ada hubungan dengan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) sehingga ia diberikan taraf 'Plot Ratio 10 - kelulusan segera DO," kata sumber itu sambil menambah syarikat itu disyaki ada hubungan meragukan dengan Pejabat Tanah Kuala Lumpur.

Sumber itu menambah, persoalan ketika ini adalah sama ada kesalahan adalah terletak di pihak yang memberikan PA atau Synergy Promenade sendiri yang sudah menyalahgunakan PA.

"Bagi saya, tiada sebab untuk Synergy Promenade menukar milik tanah kepada pihaknya. Syarikat itulah yang bersalah.

"Persoalan mengapa PA diberikan kepadanya (mungkin) adalah disebabkan kecuaian di pihak Lembaga Pengarah. Namun, apabila sudah diberikan kuasa, bagaimana syarikat itu menggunakaninya. Disebabkan itulah FELDA perlu mengambil tindakan, demi menjaga kepentingannya," katanya.

Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad adalah Pengurus FELDA dari 2011 hingga Januari 2017; Pengurus Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) mulai 1 Januari 2011 hingga 19 Jun lalu dan Pengurus FIC sejak ditubuhkan pada 2 Julai 2013 hingga 2017.

Menurut sumber itu lagi, tumpuan sekarang ini adalah kepada usaha untuk menarik semula PA yang sudah diberikan kepada Synergy Promenade dan dakwaan perlu dibuat atas sebab penipuan.

Katanya, walaupun perkara itu belum dibuktikan, tindakan yang dilakukan oleh syarikat berkenaan adalah bertentangan dengan apa yang sepatutnya dibuat oleh sebuah pemaju induk.

"Ia tidak boleh membaca kuasanya di bawah PA begitu sahaja, perlu juga membaca perjanjian pembangunan bersama FIC.

"Di dalam perjanjian, ia perlu menyerahkan unit yang sudah disiapkan, terbabit dengan proses pemindahan, penjualan dan sebagainya. Bukan diambil tanah itu," katanya.

Sementara itu, sumber lain berkata tuduhan bahawa Abd Rahman mempunyai hubungan dengan Perdana Menteri, langsung tidak berasas.

Walaupun ada laporan pada 2016 menunjukkan Abd Rahman menyerahkan zakat pada majlis dihadiri Perdana Menteri, dakwaan ada hubungan rapat syarikat itu dengan Najib, ia tidak sepatutnya jadi sandaran seseorang itu rapat dengan Perdana Menteri.

"Jika individu itu ada hubungan baik, mengapa Perdana Menteri sendiri bersetuju membawa perkara ini kepada umum? Jika dia ada kaitan dengan Perdana Menteri, laporan polis tidak akan dibuat oleh FELDA.

"Takkanlah hanya disebabkan wang zakat RM100,000, Perdana Menteri menyerahkan tanah itu. Perdana Menteri sendiri sudah dimaklumkan dan diberitahu satu persatu langkah yang perlu dibuat (oleh FELDA untuk menyelesaikan masalah)," katanya.



KEJAYAAN kerajaan melaksanakan projek pengangkutan awam bertaraf dunia, Transit Aliran Massa (MRT) menunjukkan Malaysia mempunyai keupayaan mengendalikan projek berskala besar di masa hadapan.

16. Banyak pencapaian ekonomi, pelaburan diraih sepanjang 2017

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkongsi kisah kejayaan ekonomi dan pelaburan Malaysia sepanjang tahun ini dengan menyifatkan 2017 tahun yang membawa banyak pencapaian.

Perdana Menteri berkata, ekonomi negara melangkaui segala jangkaan tahun ini, dengan Bank Dunia menyemak semula anggarannya untuk pertumbuhan Malaysia bukan sekali atau dua kali, tetapi tiga kali, iaitu pada 5.8 peratus.

Beliau berkata, Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) serta banyak institusi global yang dihormati, memuji pengurusan ekonomi berhemat oleh kerajaan, selain mengakui bahawa daya tahan dan daya saing ekonomi sudah diperkujuh.

Najib berkata, pada 2017 juga, Malaysia menerima pelaburan berjumlah AS\$7 bilion (RM31 bilion) dari Saudi Aramco untuk melabur di Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Johor serta RM1 bilion lagi dari HSBC bagi membina ibu pejabat serantau baharu di Tun Razak Exchange, di sini.

"Kenapa? seperti yang dinyatakan oleh pengasas Alibaba, Jack Ma, beliau memilih Malaysia untuk melancarkan Zon Perdagangan Bebas Digital pertama di luar China pada tahun 2017 kerana persekitaran cekap dan mesra perniagaan yang diwujudkan kerajaan," katanya.

Malah, kata beliau kejayaan kerajaan melaksanakan projek pengangkutan awam bertaraf dunia, Transit Aliran Massa (MRT) menunjukkan Malaysia mempunyai keupayaan mengendalikan projek berskala besar di masa hadapan, seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan membawa begitu banyak manfaat kepada penduduk di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Dalam pada itu, beliau menyedari di sebalik kemajuan dikecapi negara, masih ada rakyat yang masih menghadapi cabaran dan kesusahan.

"Inilah sebabnya dalam bajet baru-baru ini, saya mengumumkan pengurangan cukai, peruntukan untuk petani, nelayan, pekebun kecil dan penoreh getah, diskain pembiayaan pengajian buat pelajar, waktu kerja lebih mudah bagi wanita mengandung dalam perkhidmatan awam, dan banyak lagi langkah lain untuk membantu meringankan beban rakyat dan memudahkan penyertaan penuh mereka ke dalam masyarakat.

"Ini kerana saya ingin semua mendapat nikmat dari kemajuan negara yang sedang kita bina, dan supaya tiada seorang pun rakyat Malaysia yang ketinggalan," katanya.